

TARIKH	SELASA, 27 FEBRUARI 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	USAH CEPAT 'MELATAH' CADANGAN MANSUH PENCEN KAKITANGAN AWAM
M/S	11
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	PENSION SCHEME

Usah cepat 'melatah' cadangan mansuh pencen kakitangan awam



Oleh Syed Mohamad Al Adros Tuan Muning dan Mohd Khairul Azmi Khairuddin
bhrencana@bh.com.my



Syed Mohamad Al Adros adalah Timbalan Ketua Pusat, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), manakala Mohd Khairul Azmi adalah Perunding Latihan Kanan INTAN

Pengumuman pemansuhan pencen penjawat awam bagi pelantikan baharu bermula 1 Februari 2024 menimbulkan pelbagai reaksi kakitangan awam. Dalam hal ini, CUEPACS turut memberikan reaksi dengan meminta kerajaan tidak menghapuskan skim pencen.

Pemansuhan sistem pencen turut dipertikai siswazah dan lulusan institusi pendidikan terutama yang sedang mencari pekerjaan dengan meletakkan sektor kerajaan sebagai pilihan utama. Bagaimanapun, pekerja swasta dilihat lebih bersetuju dan memuji langkah kerajaan memansuhkan skim pencen kerana menganggap bayaran pencen membekalkan kewangan negara.

Pandangan itu berlandaskan pengalaman mereka dalam menerima perkhidmatan kerajaan tetapi tidak berpuas hati dengan mutu diberikan kerana mendakwa penjawat awam seperti tidak kompeten, lambat, membuang masa dan curi tulang ketika bekerja.

Penerima pencen juga tidak bersetuju dengan pemansuhan skim itu kerana kemudahan pencen membantu mereka meneruskan kehidupan selepas berpuluh tahun berkhidmat untuk rakyat dan negara.

Antara kemudahan pencen dinikmati pesara ialah bayaran gratuiti, award gantian cuti rehat, pencen bulanan seumur hidup. Sebagai tambahan, pesara turut menikmati kemudahan kesihatan percuma. Sebagai contoh, perbelanjaan rawatan jantung di Institut Jantung Negara yang mencecah ratusan ribu ringgit ditanggung kerajaan.

Bagaimanapun, perubahan skim pencen kepada

skim caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bukan sesuatu yang buruk dan tidak menarik sepenuhnya. KWSP memainkan peranan penting dalam menyokong aspek kewangan pekerja apabila pencen.

Melalui Akta KWSP 1991 (Akta 452), pekerja diberi kemudahan menyimpan sebahagian daripada pendapatan mereka melalui potongan gaji bulanan untuk masa depan disamping menerima bayaran syer daripada majikan serta dividen tahunan KWSP.

Selain menyediakan simpanan pencen, KWSP turut menyediakan kemudahan Pengeluaran Akaun 2, membolehkan pekerja menggunakan dana itu untuk tujuan pembiayaan perumahan, pendidikan dan belanja kesihatan. Perkara ini tidak berlaku dalam skim pencen penjawat awam.

Kemudahan insentif lebih baik

Cuba kita lihat organisasi kerajaan bertukar daripada skim gaji kerajaan kepada skim KWSP, seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri, Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad. Pe-

kerja organisasi ini menerima kemudahan dan insentif lebih baik seperti gaji lebih kompetitif, bayaran bonus tahunan, serta kemudahan kesihatan di hospital atau klinik jauh lebih baik daripada hospital kerajaan.

Selain itu, pekerja juga ditawarkan membeli saham syarikat dengan harga lebih rendah daripada pasaran di samping kemudahan lain diputuskan di peringkat ahli lembaga pengarah syarikat sahaja.

Oleh demikian, pihak mempersoalkan pengumuman ini tidak sepatutnya melatah terlalu awal. Ini disebabkan Jabatan Perkhidmatan Awam masih belum memperincikan kaedah serta skim gaji baharu untuk penjawat awam berkonsepkan KWSP.

Bahkan, kerajaan juga komited untuk mengkaji Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) pada tahun ini. Meskipun berdepan kekangan kewangan dan masalah ekonomi, kerajaan bertanggungjawab mencari jalan mengkaji SSPA memandangkan sudah lebih 10 tahun tiada perubahan dari segi kajian semula.



**DISEDIAKAN
OLEH**

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (\$44), BPM